

Perwila lancar novel Peluru Cinta Victoria

UB 16/10/2011 B2

PERSATUAN Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (Perwila) telah banyak menggerakkan aktiviti bahasa, sastera dan budaya di wilayah ini.

Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan Perwila dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat terutama generasi muda.

Ahli Dewan Negara, Datuk Yunus Kurus berkata melalui Perwila, mereka terutama lepasan sekolah akan meneruskan bakat menulis, berteater dan berlakon serta deklamasi puisi.

Oleh itu, beliau berharap Perwila akan lebih aktif melaksanakan kegiatan yang berbentuk penulisan seperti

ALBUM ... Yunus (depan, tiga kanan), Dr Harun (dua kanan) dan Siti Khatijah (tiga kiri) bersama penulis novel Peluru Cinta Victoria.

peraduan menulis cerita pendek, cerita kanak-kanak, sejarah, sajak, pantun dan novel di samping menggiatkan pementasan teater di sini.

“Memang biasanya mata pena para penulis sangat berbisa, penuh dengan sindiran yang boleh diambil secara positif oleh pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai panduan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti demi kepentingan penduduk tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Bicara Buku Peluru Cinta Victoria di Bilik Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Menara, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Turut hadir Ketua 1 Perwila, Dr Harun Pudin, Bendahari Perwila, Othman Mahali dan pensyarah Pusat

Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS-KAL, Siti Khatijah Johari serta penulis novel, Resmanshah Indrat.

Majlis itu diserikan dengan bicara buku oleh Harun dan Resmanshah manakala Siti Khatijah sebagai moderator yang turut dihadiri pelajar UMS-KAL dan ahli-ahli Perwila.

Yunus yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan berharap novel itu boleh dijadikan buah tangan kepada pelancong dan sahabat handai dari luar untuk menguar-uarkan mengenai sektor pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Penulis dan penggiat bidang penulisan boleh membaiki lagi beberapa sudut pandangan mengenai Labuan supaya lebih menarik minat membaca dan meneruskan penulisan pada masa akan datang,” katanya.

